



KEPAKARAN JPPH PASTIKAN ASET NEGERI DIURUS DENGAN BAIK – MB KELANTAN

Buletin بولين دارالنعيم MINGGUAN DARULNAIM

ISSN 1311-6891 | REJAB 1446H | 05-09 JANUARI 2025

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

PENSIJILAN HALAL: EXCO AGAMA TERIMA KUNJUNGAN GERAKAN, BINCANG INFORMASI TEPAT

**“HITUNG AMAL, PERTEGUH IMAN”
PESAN MB KELANTAN KEPADA PENJAWAT AWAM NEGERI**

TIADA KESESAKAN DI ICQS RANTAU PANJANG -YB DATO’ SITI ZAILAH

BANDAR KOTA BHARU BAKAL BERUBAH WAJAH MENJELANG 2027

Oleh: Asri Hamat


KOTA DARULNAIM, 7 Januari-Bandar Kota Bharu bakal berubah wajah apabila projek Pembangunan Landskap Perbandaran Kota Bharu siap menjelang 2027.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud berkata projek di bawah seliaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah dirangka selari dengan Rancangan Tempatan dan telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Kelantan bagi mempertingkat imej bandar Kota Bharu.

“Projek Pembangunan Landskap Perbandaran Kota Bharu bertujuan untuk memperindah wajah bandar Kota Bharu serta meningkatkan keselesaan penduduk dan pengunjung.

“Usaha tersebut sejajar dengan kehendak Kerajaan Negeri Kelantan untuk membangunkan persekitaran bandar yang lebih indah serta menarik demi kesejahteraan rakyat. Semoga projek ini berjalan dengan lancar,” katanya menerusi siaran media miliknya, pada Isnin.

Terdahulu, beliau menerima kunjungan Pengarah Urusan



Madani Resources Sdn. Bhd. Al Zahari Ali untuk membentangkan perkembangan terkini projek tersebut. Madani Resources merupakan syarikat yang bertanggungjawab melaksanakan projek pembangunan landskap perbandaran Kota Bharu.

Sementara itu, Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah yang turut serta dalam kunjungan tersebut memaklumkan bahawa projek bernilai RM35 juta tersebut dibahagikan kepada enam zon iaitu Zon Jejak Warisan Diraja, Zon Jejak Warisan Budaya, Zon Tepian Sungai, Zon Perniagaan, Zon Sukan dan Zon Institusi.

“Semua enam zon tersebut akan dibina dengan reka bentuk berteraskan Melayu Islam yang berkonsepkan “Salam.”

“Teras ini akhirnya akan diterjemahkan ke dalam susunan ruang dan seni bina landskap kejur dan lembut bermotifkan identiti “Ketam Guri” Kelantan,” katanya juga menerusi catatan di media sosial miliknya.

YB Hilmi turut berharap agar projek pembangunan landskap

“Projek Pembangunan Landskap Perbandaran Kota Bharu bertujuan untuk memperindah wajah bandar Kota Bharu serta meningkatkan keselesaan penduduk dan pengunjung.”

ini akan dapat mencorakkan identiti Kota Bharu sebagai sebuah Bandaraya Islam dalam taman yang menggalakkan masyarakatnya hidup dalam kesederhanaan dan mengamalkan gaya hidup sihat.

“Dengan siapnya projek pembangunan landskap perbandaran ini, diharap warga bandar Kota Bharu berusaha untuk menghapuskan pencemaran dengan mengekalikan elemen kehijauan serta mencintai kebersihan yang bertunjangan keimanan untuk mendapatkan keredaan dan keberkatan daripada Allah SWT,” ujarnya.



PENSIJILAN HALAL: EXCO AGAMA TERIMA KUNJUNGAN GERAKAN, BINCANG INFORMASI TEPAT

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 8 Januari

– Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berbesar hati menerima kunjungan hormat Timbalan Setiausaha Agung Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GERAKAN), Wendy Subramaniam bersama delegasi partinya di Mabna, pada Isnin.

Pertemuan itu bertujuan membincangkan secara mendalam pelaksanaan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM), khususnya dalam kalangan peniaga bukan Islam di Kelantan.

YB Mohd Asri menyatakan, beberapa cadangan daripada pihak GERAKAN akan diberi perhatian serius.

“Insya Allah, ada beberapa cadangan daripada pihak mereka yang akan kami bawa ke perbin-



cangan selanjutnya. Terima kasih kepada GERAKAN atas keprihatinan mereka dalam mendapatkan maklumat tepat serta mengemukakan pandangan bagi pihak bukan Islam,” katanya menerusi catatan di media sosial selepas pertemuan berkenan.

Sementara itu, Wendy Subramaniam dalam kenyataannya di media sosial berkata, GERAKAN telah mengemukakan beberapa cadangan berkaitan pelaksanaan

SPHM, terutamanya yang melibatkan pentadbiran Majlis Perbandaran Kota Bharu - Bandar Raya Islam (MPKB-BRI).

“Kami mencadangkan supaya kaedah pelaksanaan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) diteliti semula agar ia tidak membebankan peniaga kecil. Kami juga meminta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) memberikan masa persediaan lebih panjang kepada peniaga, serta memperkenalkan kategori klasifikasi halal dengan bayaran dan

syarat yang lebih bersasar,” katanya.

Beliau turut menekankan kepentingan dialog bersama pihak berkepentingan bagi memastikan pelaksanaan polisi yang lebih inklusif dan sesuai dengan keperluan rakyat.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pemuda GERAKAN Lee Boon Shiang dan Pengarah Pilihan Raya GERAKAN Kelantan Ong Hang Woon.

KEPAKARAN JPPH PASTIKAN ASET NEGERI DIURUS DENGAN BAIK – MB KELANTAN



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 6 Januari

- Kepakaran pasukan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) Negeri Kelantan amat penting bagi menjamin semua aset kerajaan negeri diurus dengan baik demi menjaga kepentingan rakyat.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata JPPH memainkan peranan penting dalam urusan penilaian, pajakan, pemindahan hak milik

serta pengurusan aset milik kerajaan negeri.

Jelasnya, usaha tersebut seja-jar dengan kesungguhan Kerajaan Negeri Kelantan dalam memastikan setiap inci tanah dan harta tanah di Kelantan diurus dengan lebih teliti.

“Hubungan yang erat serta kerjasama yang baik di antara kerajaan negeri dengan JPPH akan terus diperkuatkan demi manfaat rakyat,” katanya.

Beliau berkata demikian menerusi siaran media miliknya selepas

menerima kunjungan hormat dari pihak JPPH yang diketuai pengarah JPPH Ishak Yahya berserta para pegawai di pejabatnya di Mabna, hari ini.

Menteri Besar turut mengucap-

kan tahniah dan terima kasih kepada JPPH Negeri Kelantan atas kecemerlangan pasukannya dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada negeri dan rakyat Kelantan.



“HITUNG AMAL, PERTEGUH IMAN” PESAN MB KELANTAN KEPADA PENJAWAT AWAM NEGERI



Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 5 Januari – Bertemakan muhasabah amalan dan kepentingan memperteguh iman, Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berpesan kepada penjawat awam negeri ini melalui Kuliah Duha Bulanan anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (SUK).

Kuliah dimulakan dengan bacaan surah al-Asr dan menggariskan empat langkah menuju kejayaan hakiki iaitu beriman kepada Allah, beramal soleh, berpesan-pesan tentang kebenaran dan kes-

baran.

Beliau mentaukid hikmah dengan memetik kata-kata Imam Asy-Syafi'e, "Jika Allah hanya menurunkan surah al-Asr sebagai hujah kepada manusia, nescaya ia sudah mencukupi," katanya di depan 100 penjawat awam yang hadir, di Surau SUK, hari ini.

Merujuk surah al-Baqarah ayat 155 pula Dato' Mohd. Nassuruddin mengingatkan bahawa ujian dalam kehidupan hanyalah sebahagian kecil berbanding nikmat yang Allah kurniakan.

Katanya, "Saat diuji banjir atau kesusahan, tempoh itu amat singkat berbanding hari-hari nikmat yang



Allah berikan."

Di samping itu, Dato' Mohd. Nassuruddin menekankan pentingnya menghitung amalan sebagaimana pesan Saidina Umar Al-Khattab, "Hisablah dirimu sebelum kamu dihisab, timbanglah amalanmu sebelum ia ditimbang."

Beliau juga memetik pengajaran ayat Surah Al-Kahfi ayat 49 yang menggambarkan ketakutan golongan pendosa terhadap catatan amal mereka yang tidak meninggalkan satu pun perbuatan kecil maupun besar.

Seterusnya, Surah al-Inshiqaq ayat 7 hingga 11 turut dijadikan peringatan mengenai dua cara ma-

nusia menerima catatan amal; dengan tangan kanan sebagai tanda kejayaan, atau dari belakang sebagai petanda penyesalan yang tiada akhir.

Menteri Besar juga menekankan kepentingan amalan sunnah seperti solat dua rakaat sebelum Subuh yang disebut Rasulullah SAW sebagai lebih baik daripada dunia dan seisisnya.

Beliau menggesa agar setiap penjawat awam menjadikan amalan tersebut sebahagian daripada rutin kehidupan.

Mengakhiri kuliah, beliau berkongsi perumpamaan yang mendalam sebagai peringatan kepada penjawat awam untuk muhasabah diri, memperbaiki amalan, dan memastikan setiap tindakan mereka selari dengan syariat Allah SWT, khususnya dalam menjalani tahun baharu ini.

Tamsilnya, "Jika seekor beruk yang kita pelihara tersalah memilih kelapa, kita menghukumnya. Maka, bagaimana pula dengan kita sebagai ciptaan Allah, apabila kita mengabaikan arahan-Nya dan memilih jalan selain Islam?"

JUALAN KELAGRO DUN KEMAHANG LARIS KURANG 3 JAM

Oleh: Norzana Razaly

TANAH MERAH, 7 Januari – Jualan barang runcit dan keperluan asas di Pasar Rakyat Kelantan Agro (KELAGRO) DUN Kemahang laris dalam masa kurang 3 jam atas sambutan hangat daripada masyarakat tempatan.

Exco Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan dan Keusahawanan YB Mejai (B) Dato' Md Anizam Abdul Rahman berkata ramai yang mendapat manfaat daripada program tersebut di perkarian Masjid Al-Mustaqim, Alor Pasir pada Sabtu.

Katanya, sambutan luar jangka itu membuatkan urus setia program terkejut dengan sambutan orang ramai yang datang ke program itu.

"Kebiasaan barang yang mereka bawa mencukupi sampai ke tengah hari, namun kali ini tidak sampai 3 jam semua barang sudah kehabisan dan mereka sangat terkejut dengan sambutan masyarakat di sini



yang sudah beratur panjang seawal pukul 7.00 pagi lagi," jelasnya ketika dihubungi, hari ini.

Tambahnya, pihak urus setia telah menghadkan kuantiti untuk seseorang membeli agar barang

yang ditawarkan dengan harga patut itu dapat dinikmati oleh semua pengunjung.

"Kita percaya masih ramai di luar sana ingin berbelanja di program Pasar Rakyat namun tidak

kesampaian. Insya Allah kita cuba yang terbaik dan perbaiki lagi pada masa akan datang. Kita juga ingin memohon maaf atas kekurangan yang timbul semasa program ini berlangsung," katanya.

TIADA KESESAKAN DI ICQS RANTAU PANJANG -YB DATO' SITI ZAILAH

Oleh: Norzana Razaly

RANTAU PANJANG, 8 Januari – Ahli Parlimen Rantau Panjang YB Dato' Siti Zailah Mohd Yusoff turun padang untuk menilai sendiri situasi semasa di kawasan strategik sempadan negara di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Rantau Panjang.

Hasil tinjauan tersebut, beliau mendapati tiada kesesakan berlaku di pintu masuk sempadan Malaysia-Thailand melalui Rantau Panjang-Sungai Golok pada hari-hari biasa.

Beliau menyatakan komitmenya untuk memastikan kelancaran pergerakan di kawasan sempadan, terutama bagi rakyat yang menggunakan laluan darat tersebut untuk urusan harian, ulang alik ke sekolah serta perniagaan.

“Saya hadir membuat tinjauan sekitar pukul 7.00 pagi tadi di ICQS untuk memastikan pengguna pintu sempadan itu tidak berdepan seba-



rang masalah.

“Kita buat tinjauan ini selepas menerima aduan daripada masyarakat tentang kesesakan di pintu masuk ini pada hujung minggu dan musim cuti namun itu tidak melibatkan pelajar.

“Kita ambil berat kemaslahatan rakyat selepas arahan larangan rentas sempadan melalui pengkalan haram di Sungai Golok oleh pihak berwajib mulai 1 Disember tahun lepas,” jelasnya ketika dihubungi, hari ini.

Beliau turut memuji kelancaran

operasi di pintu sempadan dan menyatakan keyakinan bahawa kerjasama agensi terlibat dapat memastikan pergerakan keluar masuk di sempadan berjalan lancar tanpa sebarang kesulitan kepada rakyat.

“Antara pengguna tegar ICQS ialah lebih kurang 100 pelajar di Golok yang bersekolah di Rantau Panjang. Ada juga pelajar kita yang bersekolah di Golok. Mereka yang menggunakan motorsikal ke sekolah rata-ratanya mengakui mereka dapat sampai ke sekolah tepat pada waktu sebelum loceng ber-

bunyi pukul 7.30 pagi,” katanya.

Dalam perkembangan terkini, Dato' Siti Zailah juga memaklumkan kerajaan sudah ada perancangan untuk membesarkan ICQS dan menambah Jambatan Muhibbah kedua.

Oleh itu, beliau amat berharap agar rakyat dapat mematuhi peraturan sedia ada dan berkerjasama dengan pihak berkuasa demi keselamatan serta keselesaan semua pihak, sementara dua kemudahan itu siap.

KLUSTER PENDIDIKAN, MODAL INSAN SG4 SELESAI BENTANG LAPORAN – YB DATO' WAN ROSLAN



Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 6 Januari – Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat memaklumkan bahawa Kluster Pendidikan dan Modal Insan SG4 selesai membentang laporan dalam Bengkel Strategik SG4 Sdn. Bhd. di sebuah hotel di Langkawi, pada Ahad.

Beliau menjelaskan bahawa pihaknya selesai membentang laporan dalam bengkel yang menyediakan ruang untuk perbincangan

konstruktif antara pemimpin dan pakar, bagi memastikan setiap strategi yang digariskan mampu memberikan impak positif terhadap pembangunan negeri dan keséjahteraan rakyat di empat negeri terbabit.

Bengkel yang menghimpunkan pemimpin serta pakar dari empat negeri SG4 – Kelantan, Kedah, Terengganu, dan Perlis itu bertujuan memperkuuh kerjasama strategik sesama anggota kesatuan dalam aspek pembangunan pendidikan dan modal insan.

“Platform ini menjadi lan-

dasan penting bagi membincangkan pencapaian, menetapkan hala tuju strategik, dan merangka pelan tindakan menyeluruh bagi tahun 2025.

“Ia memberi penekanan terhadap kluster utama seperti pendidikan dan modal insan, pertanian dan sekuriti makanan, perdagangan, pelaburan dan industri, infrastruktur dan logistik, serta penerokaan sumber baharu pendapatan negeri,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

“Matlamat utama adalah mewujudkan pembangunan mampan

sambil meningkatkan daya saing negeri-negeri SG4 dalam pelbagai sektor,” tambahnya.

Beliau berharap bengkel itu menjadi langkah strategik untuk memperkuuhkan sinergi antara negeri-negeri anggota SG4, selaras dengan aspirasi untuk memperkasa ekonomi wilayah utara dan pantai timur Semenanjung Malaysia.

“Langkah ini diharap mampu memperbaiki taraf hidup rakyat di negeri-negeri berkenaan, selain menjadikan SG4 sebagai model kejayaan kerjasama negeri dalam pembangunan negara,” ujarnya.



KGT TERIMA ANUGERAH BERGANDA, TIGA SUBSIDIARI LAGI BUKTIKAN KECEMERLANGAN PMBK



Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 7 Januari – Kelantan Gold Trade Sdn. Bhd. (KGT) terus mengukuhkan reputasinya apabila menerima dua pengiktirafan berprestij dalam Majlis Jawatankuasa Audit Lemba... Penasihat (JALP) Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK).

KGT dinobatkan sebagai penerima Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Aset Kumpulan PMBK Tahun 2023 dan Anugerah Kecemerlangan Audit Susulan Ke Atas Pengurusan Modal Insan

Tahun 2022 sebagai pengiktirafan usaha berterusan syarikat itu dalam memastikan pengurusan yang teratur dan berintegriti tinggi.

Dalam majlis yang sama, tiga lagi anak syarikat PMBK turut menerima pengiktirafan.

PMBK Az-Zahab Sdn. Bhd. dan Kelantan Utilities Muhaarakan Holdings Sdn. Bhd. dianugerahkan sijil pengiktirafan dalam kategori pertama sebagai penghargaan terhadap standard kecemerlangan yang berjaya dicapai.

Sementara itu, PMBK Development Sdn. Bhd. Pula menerima sijil perakuan dalam kategori kedua



atas komitmen mereka terhadap pengurusan terbaik.

Timbalan Menteri Besar YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli Hassan mengakui bahawa pencapaian tersebut merupakan hasil dedikasi tanpa henti seluruh warga kerja PMBK dan anak syarikat.

“Di sebalik kejayaan sesebuah organisasi, terdapat usaha gigih memastikan segala urusan berjalan dengan teratur dan penuh integriti. Tahniah kepada semua penerima anugerah atas kejayaan membanggakan,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Tambahnya, pengiktirafan yang

diterima oleh subsidiari PMBK membuktikan keupayaan organisasi tempatan mencapai tahap kecemerlangan tinggi.

Sekali gus mencerminkan kesungguhan organisasi ini dalam mengangkat nilai integriti dan profesionalisme dalam setiap aspek pengurusan.

“Kita doakan pengiktirafan ini memberi inspirasi untuk Kumpulan PMBK terus mengekalkan momentum kejayaan ke arah masa depan yang lebih gemilang,” ujarnya.

Sementara itu, Pengurus KGT Wan Muhammad Najahuddin Wan Fuad mengekspresi kesyukuran atas penghormatan yang diterima dalam majlis keraian di sebuah hotel di Tunjung, pada 30 Disember lalu.

“Kami amat menghargai dua pengiktirafan ini. Ia menjadi pemangkin kepada kami untuk terus berkomitmen tinggi terhadap kecemerlangan pada tahun ini,” ujarnya ketika dihubungi.

196 PETANI DAN PENTERNAK DI PARLIMEN PASIR PUTIH TERIMA BANTUAN

Oleh: Asri Hamat

PASIR PUTEH, 5 Januari - Nasib para petani dan penternak di Kelantan terus mendapat perhatian kerajaan negeri apabila 196 orang dalam kalangan mereka di Parlimen Pasir Puteh menerima bantuan.

Exco Pertanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, para petani dan penternak telah menerima bantuan berupa input pertanian dan penternakan seperti makanan haiwan ternakan dan baja untuk pertanian.

“Bantuan tersebut diterima oleh 196 petani dan penternak di empat Dewan Negeri (DUN) yang berada di Parlimen Pasir Puteh mengikut permohonan yang telah dibuat. Majlis penyerahan diadakan di Dewan Square Pasir Puteh pada Sabtu”, katanya menerusi catatan di media sosial miliknya pada Sabtu.

Menurut beliau lagi, inisiatif bantuan tersebut bertujuan untuk



menyokong para petani dan penternak dalam usaha untuk meningkatkan hasil pertanian dan penternakan mereka.

“Semoga dengan bantuan ini sedikit sebanyak mampu meringankan beban para petani dan

penternak. Diharap mereka boleh memajukan lagi sektor pertanian agar “food security” negara dapat dipertingkatkan,” ujarnya.

Majlis yang dirasmikan oleh Ahli Dewan Rakyat (ADR) Parlimen Pasir Puteh, YB Datuk Dr

Nik Zawawi Salleh turut dihadiri oleh Ahli Dewan Negeri (ADN) Semerak, YB Norsham Sulaiman, ADN Limbongan YB Nor Asilah Md Zin serta wakil daripada Lemba... Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA).

KELANTAN SAMBUT BAIK KEMPEN TMM2026

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 7 Januari - Dalam usaha menyokong dan memperkuatkan sektor pelancongan negara, Kelantan yang kaya budaya dan warisan menyambut baik kempen Tahun Melawat Malaysia 2026 (TMM2026).

Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Md Nor berkata Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa bersedia menyambut pelancong dengan tarikan seperti keindahan destinasi pelancongan, kesenian dan kebudayaan yang unik, serta tarikan alam semula jadi.

“Mari sama-sama kita jayakan kempen TMM2026 dan bangunkan industri pelancongan kita.”

Beliau berkata demikian selepas mewakili Menteri Besar Kelantan



YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud menghadiri Majlis Peluncuran Kempen TMM2026, pada Isnin.

Majlis tersebut disempurnakan oleh Perdana Menteri Malaysia YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim di Hangar 6, Kompleks Kejuruteraan Malaysia Airlines Berhad (MAB), Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Sepang.

Bertemakan ‘Malaysia Destina-

si Lestari dan Kaya Budaya’, Kempen TMM 2026 memperkenal lagu tema baharu iaitu ‘Surreal Experiences’ serta si beruang madu Wira dan Manja sebagai maskot rasmi.

Sementara itu, media arus perdana melaporkan penegasan Datuk Seri Anwar tentang pentingnya penglibatan semua negeri tanpa ada yang terpinggir dalam mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan utama.

Usaha berkenaan disasarkan untuk meraih keuntungan RM147.1 bilion dengan ketibaan 35.7 juta pelancong.

“TMM 2026 adalah satu pendekatan baharu dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang utama dan ini bermula satu inisiatif, ikhtiar supaya betul-betul mencatat pertumbuhan pelancongan ke seluruh negara,” katanya.

KEBAJIKAN, PEMBANGUNAN PENDUDUK LADANG TAKU, KAMPUNG ORANG ASLI KELUAT DAPAT PERHATIAN



Oleh: Norzana Razaly

KUALA KRAI, 5 Januari – Komitmen berterusan Kerajaan Negeri Kelantan dalam memastikan kebajikan rakyat di kawasan pedalaman dan terjejas banjir sentiasa mendapat perhatian.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar merangkap Ahli Dewan Negeri (ADN) Guchil, YB Hilmi Abdulrahman mengetuai ekspedisi ke kampung Ladang Taku dan kampung orang asli Keluat, Guchil dalam misi menyampaikan bantuan kepada penduduk terjejas akibat banjir, pada Sabtu.

Program tersebut melibatkan kerjasama strategik antara Pusat Khidmat ADUN Guchil, Halwa N40 DUN Guchil, Pemuda Guchil, Taskforce Kuala Krai - Unit Bantu dan Penghulu Wakil Kaum.

YB Hilmi memaklumkan, kunjungan tersebut adalah yang pertama ke Kampung Keluat sejak banjir melanda, memandangkan laluan ke kampung itu terputus akibat jalan yang ditenggelami air sedalam lima meter.

Tambahan pula, feri penghubung tidak dapat beroperasi semasa paras Sungai Kelantan meningkat.

“Kampung Keluat ini mempun-

yai sejarah unik, masyarakat orang asli di sini telah mengucapkan dua kalimah syahadah di hadapan al-marhum Tok Guru Nik Abdul Aziz sekitar tahun 1990-an,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Semasa lawatan, YB Hilmi turut menerima permintaan penduduk untuk pembinaan surau baharu menggantikan surau lama yang musnah akibat banjir besar pada 2014.

Beliau memberi jaminan usaha berkenaan akan dipertimbangkan dan dirancang untuk dilaksanakan pada tahun ini.

“Insya-Allah, kita akan terus berusaha memastikan kebajikan

masyarakat sentiasa terjaga, termasuk pembinaan infrastruktur penting seperti surau untuk kegunaan penduduk,” jelasnya.

Sebelum itu, beliau menyampaikan bantuan kepada 70 keluarga di Ladang Taku, yang merupakan salah satu ladang tertua di Kelantan. Ladang itu asalnya dibangunkan oleh Duff Development Ltd dengan tanaman getah, kini di bawah pengurusan KL Kepong.

“Keistimewaan penduduk di Ladang Taku yang bekerja estet dalam kalangan generasi lama dan muda ialah boleh bercakap tiga bahasa; Melayu, Tamil dan Hokien. Sekarang pun masih ada segelintir penduduk di situ yang fasih bertutur bahasa Melayu dan Tamil. Anak-anak mereka bersekolah di Sekolah Kebangsaan Taku,” jelasnya.

YB Hilmi turut merakamkan penghargaan kepada Penghulu Kumerasamy A/L Govindasamy dan Pengurus Pertubuhan Kebajikan dan Pembangunan Komuniti Masyarakat India Kuala Krai Mohd Jayamurugan Abdullah atas bantuan logistik dan pengagihan barang bantuan yang disumbangkan oleh IWK-KUM Cares kepada penduduk Ladang Taku dan komuniti orang asli di Kampung Keluat.



KELANTAN SAMBUT BAIK
KEMPEN TMM2026

ISSN 1311-6891 | REJAB 1446H | 05-09 JANUARI 2025

Buletin

بوليتيين دارالنعيم

MINGGUAN

DARULNAIM

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

PERSATUAN BOLA KERANJANG, WAT CHONPRACHUMTHAT TERIMA SUMBANGAN KERAJAAN KELANTAN



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 7 Januari- Persatuan Bola Keranjang Negeri Kelantan dan Wat Chonprachumthat dari Berangan, Tumpat masing-masing menerima sumbangan sebanyak RM10,000 daripada Kerajaan Negeri Kelantan.

Sumbangan tersebut disampaikan oleh Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad kepada wakil persatuan bola keranjang dan wat di pejabat beliau, hari ini.

Menurut YB Zamakhshari, sumbangan tersebut diberi bagi tujuan pengurusan persatuan dan aktiviti-serta kebajikan di wat.

“Sumbangan sebanyak RM10,000 ini adalah bagi tujuan pembangunan dan aktiviti-aktiviti kebajikan di wat dan bagi persatuan bola keranjang,” katanya.

uan bola keranjang, ia boleh digunakan untuk pengurusan persatuan seperti menganjur kejohanan bola keranjang.

“Sumbangan ini bukan bentuk peruntukan, tetapi ia diberi apabila ada permohonan daripada pihak persatuan dan sebagainya berdasarkan kewangan yang ada,” jelasnya.

Sementara itu wakil Wat Chonprachumthat, Ehchan a/l Ehwan mengucap berbanyak terima kasih kepada Kerajaan Negeri Kelantan atas sumbangan tersebut.

“Terima kasih kepada Kerajaan Negeri Kelantan atas sumbangan RM10,000 ini. Ia akan digunakan untuk pembangunan dan aktiviti-aktiviti di wat seperti perayaan loy krathong yang diadakan setiap tahun”, katanya ketika ditemui selepas majlis penyerahan sumban-

gan.

Seorang lagi penerima, Naib Pengurus Persatuan Bola Keranjang Negeri Kelantan, Ooi Siong Hwa juga turut menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Kelantan atas sumbangan tersebut.

“Terima kasih diucapkan kepada YB Zamakhshari dan Kerajaan Negeri Kelantan atas sumbangan ini. Ia akan digunakan untuk pengurusan persatuan dan penganjuran kejohanan seperti kejohanan bola keranjang tiga lawan tiga “3 on 3” dan sebagainya,” katanya.

Hadir sama, Pengurus Pusat Integrasi Antara Kaum (PEKA), Lim Guan Seng dan Penolong Setiausaha PEKA, Hareetaran a/l Rahman.

Dalam perkembangan lain, YB Zamakhshari juga mengulas men-

genai kejayaan Muhammad Afham Othman yang muncul naib johan di Kejohanan Golf Remaja Dunia di Florida Amerika Syarikat yang berlangsung pada 3 hingga 5 Januari lepas, YB Zamakhshari berkata, pihak Kerajaan Negeri Kelantan mengucapkan syabas dan tahniah atas kejayaan tersebut.

“Syabas dan tahniah diucapkan kepada adik Afham. Semoga kejayaan ini memberi semangat kepada beliau untuk terus berusaha dan berjaya dalam sukan golf pada masa yang akan datang,” ujarnya.

Untuk rekod, Kerajaan Negeri Kelantan melalui Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah menghulurkan sumbangan sebanyak RM15,000 kepada adik Afham untuk menyertai kejohanan tersebut.



KELANTAN SENTIASA AMBIL PEDULI KEBAJIKAN ORANG ASLI – YB ZAMAKHSHARI

Oleh: Asri Hamat

GUA MUSANG, 6 Januari - Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa prihatin dan ambil peduli kebajikan masyarakat orang asli di negeri ini.

Terbaru, Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad telah menyantuni masyarakat orang asli di Pos Hendrop, Gua Musang pada Ahad.

YB Zamakhshari berkata, kedatangannya ke Pos Hendrop adalah untuk bersua muka dengan masyar-

akat orang asli di sana.

“Kedatangan saya ke sini adalah untuk mendekati dan mendengar isu dan permasalahan yang dihadapi oleh mereka. Dengan cara ini kita akan dapat tengok dan mengenal pasti isu dan permasalahan yang mereka hadapi untuk mengambil langkah yang sewajarnya.

“Kunjungan ini juga merupakan satu usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri Kelantan untuk membina hubungan yang baik dengan masyarakat orang asli serta memastikan mereka diberi perhatian dan bantu-



an yang sewajarnya agar kebajikan mereka terbaik.”

Beliau berkata demikian menurusi catatan di media sosial miliknya selepas mengadakan kunjun-

gan ke atas masyarakat orang asli di Pos Hendrop, Gua Musang pada Ahad.

Hadir sama, Penyelia DUN Galas Mohd Tarmizi Abd Rahman.